

14/04/2005

Mahathir-Yatim

MAHATHIR TIBA DARI PULAU NIAS YANG SERING DILANDA GEMPA BUMI

SEPANG, 14 April (Bernama) -- Anak yatim piatu dari Indonesia yang diberi nama oleh bapa angkatnya sempena nama bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamad, tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) dari kampung halamannya yang sering dilanda gempa bumi di Pulau Nias, Indonesia.

Memakai kemeja-t berwarna merah menyala dan berketayap hijau, Mahathir Mohamad, sembilan tahun menjadi anak yatim piatu dua bulan selepas dilahirkan di Medan, akan juga berpeluang bertemu dengan Dr Mahathir di Yayasan Perdana esok.

"Saya mahu menjadi seorang doktor," kata Mahathir yang kelihatan keletihan setibanya di sini setelah berada lebih sejam dalam pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) yang menaja lawatannya ke Kuala Lumpur, diiringi penjaganya Yeor Hamun Harafa.

Ditanya apa yang akan diberitahu kepada Dr Mahathir, budak itu membisik "saya mahu meminta beliau membantu membaiki rumah anak yatim saya (di Pulau Nias)".

Budak itu ditempatkan di rumah berkenaan di pulau itu ketika berumur empat tahun oleh saudaranya yang telah tua setelah menjaganya kira-kira dua tahun sejak bapa angkatnya meninggal dunia di Medan.

Yeor Hamun berkata Mahathir dijadikan anak angkat oleh bapa angkatnya apabila dia berumur kira-kira dua bulan dan tidak mempunyai adik-beradik.

Bapa angkatnya, seorang pedagang barang-barang di Medan, yang meminati kepimpinan politik dinamik Dr Mahathir menamakan budak itu sempena nama ahli politik berkenaan.

Budak itu dibesarkan di rumah anak yatim itu yang telah musnah oleh gempa bumi yang telah menggegarkan pulau itu pada 28 Mac lepas.

"Dia tinggal di kem itu dengan kira-kira 36 kanak-kanak lain dan sejak dia dengar mengenai lawatan ini dia sangat gembira hendak datang ke Malaysia. Saya harap orang Malaysia akan membantu budak ini dan penduduk Pulau Nias," kata beliau.

Sementara itu, pengerusi Jawatankuasa Media Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia Datuk Ahmad A. Talib berkata pertubuhan itu dengan bantuan rakan mereka di Indonesia dan Utusan Malaysia, yang memberikan liputan meluas mengenai nasib budak ini, membantu membawanya ke Malaysia.

Kedua-dua mereka berada di Malaysia dalam jangka masa yang tidak ditetapkan.

-- BERNAMA

VP AZZ BK